



LAPORAN

PENYELIDIKAN GERAN SEED MONEY

KECELARUAN MUSKULOSKELETAL DI KALANGAN PENGGUNA LAP TOP: SATU KAJIAN DI KALANGAN PENUNTUT UMS

UMS/CN1.12/P25/SMS0021

OLEH

**ISMAIL BIN MAAKIP
PETER S.K. VOO
MOHD. SHARANI AHMAD**



SINOPSIS

Penggunaan komputer dan teknologi maklumat adalah menjadi suatu keperluan dewasa ini. Komputer bukan sahaja digunakan oleh pekerja malah pelajar di institusi pengajian tinggi mahupun di sekolah rendah dan menengah. Dari satu segi ia memberikan banyak manfaat kepada manusia, dari satu segi yang lain, ia juga boleh membawa kemudaratan kepada penggunanya. Antaranya ialah masalah kesihatan yang dibawa oleh penggunaan teknologi maklumat terutamanya komputer. Salah satu masalah kesihatan yang sering menimpa pengguna komputer ialah masalah kecelaruan musculoskeletal atau lebih dikenali sebagai *musculoskeletal disorders*. Masalah kecelaruan musculoskeletal ini akan menyerang pengguna computer terutama di bahagian anggota tubuh yang lembut serta berisiko untuk mengalami kecederaan. Antaranya ialah pada pergelangan tangan, bahagian tulang belakang, leher, serta jari-jemari ketika menggunakan *keyboard/papan* kekunci semasa menggunakan komputer. Kajian penerokaan ini dijalankan kepada pelajar Universiti Malaysia Sabah untuk mendapatkan maklumat awalan mengenai simptom kesakitan dan ketidakselesaan MSDs yang dialami oleh pelajar yang menggunakan komputer. Kajian yang dilakukan di beberapa buah sekolah iaitu Sekolah Psikologi & Kerja Sosial, Sekolah Sains Sosial, Sekolah Perniagaan & Ekonomi, Sekolah Sains & Teknologi dan akhir sekali Sekolah Kejuruteraan & Teknologi Maklumat. Dapatan kajian ini amatlah berguna bagi merangka suatu bentuk penyelidikan bersepadu mengenai isu kesihatan di kalangan pengguna komputer khususnya yang berkaitan dengan masalah kecelaruan musculoskeletal. Malah, kajian-kajian lepas samada tempatan mahupun luar negara membuktikan bahawa penggunaan komputer yang kerap dan tidak mengikut peraturan dan piawaian yang ditetapkan berisiko untuk mengalami risiko simptom kesakitan kecelaruan musculoskeletal. Adalah diharapkan bahawa kajian awalan ini dapat sedikit sebanyak memberikan manfaat dan maklumat yang diperlukan oleh penyelidik yang lain dalam merangka bentuk intervensi yang bersesuaian dan menangani masalah kesihatan yang melanda pengguna komputer.

SYNOPSIS

Computer and information technology usage are increasing and a must nowadays. Computer usage not only for workers but also students whether in universities or school. Computer usage not only bring benefits but also disadvantages to the users. One of them is health issues related to the usage of information technology especially computer. One of the health issue related to the computer usage is musculoskeletal disorders (MSDs) that affect computer users. These disorders impaired several section of the body that has a tendency and risk of getting MSDs. The section of the body that quite easily damage are hand and wrists, lower back, neck when using computer keyboard. This exploratory study that investigate MSDs among Universiti Malaysia Sabah students that uses computer was initially to explore and gaining some insights of the symptoms of MSDs pain and discomfort. The study was conducted in several school at UMS, such as School of Psychology & Social Work, School of Social Sciences, School of Business & Economics, School of Science & Technology and finally, School of Engineering & Information Technology. The findings from the present study was quite important in designing an integrated research approach in examining the health issues that surrounding computer users health problem especially those related to MSDs. Indeed, past research local or foreign did suggested that extensive usage of computer, did not followed the guidelines and standard that has been given could enhance the risk of getting symptom of MSDs. It is hope that this exploratory study could give some assistances and gather information that needed by other research in designing and developing a research and strategy for intervention in dealing with health problem that suffered by computer users.

